


KAEDAH-KAEDAH LAIN

Kaedah lain yang boleh dilakukan

1. Pembedahan tidak perlu dilakukan
2. Melambatkan pembedahan
3. Ubatan/ terapi yang tidak memerlukan pembedahan

Keputusan untuk tidak melakukan pembedahan akan menyebabkan risiko. Sila berbincang dengan doktor anda.



Jika terdapat sebarang pertanyaan berkaitan prosedur ini, sila rujuk kepada pakar sebelum memberi persetujuan pembedahan


Unit Neurosurgeri, PPUM sentiasa bersedia menolong dan menghulur bantuan kepada pesakit dalam apa jua masa.

Klinik Neurosurgeri diadakan setiap hari Isnin mulai jam 2 petang bertempat di :-

Disediakan Oleh
Wad Neurosurgeri
Pusat Perubatan Universiti Malaya

Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi
Perkembangan Kejururawatan, Tingkat 8, Menara Utama
Pusat Perubatan Universiti Malaya, 59100 Kuala Lumpur
Tel : 03-79492376/ 2931/ 2798/ 2412

Hak milik Pusat Perubatan Universiti Malaya 2012



LUMBAR LAMINECTOMY

Maklumat Untuk Pesakit

Maklumat utama dokumen ini ditulis adalah untuk memberitahu berkenaan risiko, kebaikan dan cara yang lain berkaitan dengan prosedur Lumbar Laminectomy. Ia mengandungi maklumat tambahan selepas perbincangan anda dengan doktor. Ia sangat penting untuk kefahaman anda dan sila baca.

Prosedur

Lumbar Laminectomy adalah rawatan untuk sakit/ abnormaliti di bahagian tulang belakang badan. Pembedahan ini melibatkan potongan bahagian tulang belakang untuk mengeluarkan bahagian yang telah uzur/pecah/retak atau tumor.

Kebaikan

Doktor tidak dapat menjanjikan anda akan mendapat kebaikan selepas menjalani pembedahan ini melainkan anda sendiri. Pembedahan ini bertujuan untuk:-

1. Mengurangkan rasa sakit
2. Mengurangkan risiko komplikasi pada masa hadapan

Risiko

Sebelum menjalani pembedahan pesakit perlu memahami bahawa setiap prosedur mempunyai risiko. Antara risiko-risiko tersebut adalah:-

1. Perdarahan mungkin terjadi semasa atau selepas pembedahan. Jika berlaku kehilangan darah yang banyak anda mungkin memerlukan transfusi darah.
2. Anda mungkin berisiko mendapat infeksi akibat tercucuk peralatan yang digunakan semasa pembedahan.
3. Risiko kecederaan pada saraf tunjang serta saraf di bahagian tulang belakang boleh berlaku.
4. Anda mungkin mengalami kecederaan sementara atau kekal seperti bengkok, kekejangan otot dan sakit selepas prosedur.
5. Tulang mungkin tidak akan bersambung dengan betul dan pembedahan seterusnya akan diperlukan.
6. Kemungkinan tulang tidak bersambung dengan tulang belakang secara normal dan akan menyebabkan kerosakan pada saraf dan mengakibatkan rasa kebas, sakit dan lemah.
7. Anda mungkin mengalami lelehan cecair cerebral daripada tempat pembedahan.

8. Anda mungkin kehilangan deria rasa buat sementara atau sepenuhnya.
9. Anda mungkin mengalami serangan jantung/ stroke, darah beku berkumpul di dalam vena atau paru-paru.
10. Anda mungkin mengalami alahan pada plaster atau luka jahitan. Reaksi sistematik boleh menjadi lebih teruk daripada penggunaan ubatan semasa pembedahan dan ubatan yang diprikipsikan.
11. Proses pemulihan bergantung pada jenis pembedahan yang dilakukan.
12. Keadaan anda mungkin lebih teruk selepas pembedahan.
13. Risiko kematian mungkin boleh terjadi akibat daripada komplikasi pembedahan yang mungkin berlaku.